

SOALAN NO: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA

TARIKH: 21 MAC 2016

SOALAN:

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian bagi menggalakkan penyertaan pekerja tempatan dan sektor yang dimonopoli oleh tenaga buruh asing seperti sektor pembinaan dan perkhidmatan keselamatan agar kebergantungan buruh asing mampu dikurangkan menjelang 2020 kelak.

PR-1341-L72257

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan komited untuk memastikan keutamaan pekerjaan diberi kepada rakyat tempatan dan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja tempatan ditawarkan peluang-peluang pekerjaan terlebih dahulu di dalam semua sektor pekerjaan. Hanya jawatan-jawatan yang tidak diminati atau tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.

2. Selain itu, Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal JobsMalaysia sebelum dikeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan pekerjaan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan.

3. Selain itu, penggajian pekerja asing hanya diluluskan kepada lima (5) sektor formal iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema), pertanian dan perladangan yang melibatkan jawatan pekerja am dan satu sektor informal iaitu pekhidmat domestik yang kurang diminati oleh rakyat tempatan.

4. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja tempatan untuk memasuki pasaran kerja adalah seperti berikut:

- (i) mempromosi dan memudahcara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020. Di samping, dapat memastikan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020 selaras dengan RMK-11;
- (iii) menetapkan ratio pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Contohnya, untuk sektor perladangan (kelapa sawit) ialah keluasan tanah 8 hektar untuk seorang pekerja dan getah pula keluasan tanah 4 hektar untuk seorang pekerja. Manakala, sektor perkilangan, bagi syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah 2 pekerja tempatan

bagi seorang pekerja asing. Tiada ratio ditetapkan bagi pengawal keselamatan.

- (vi) mengutamakan *exit policy* kepada penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 21.3.2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 22**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesan pengurangan peruntukan kepada IPTA dalam Bajet 2016 dan semakan semula Bajet ke atas IPTA kita, khususnya dalam mencapai Wawasan 2020.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan peruntukan kepada universiti awam merupakan satu *catalyst* kepada Kementerian Pendidikan Tinggi ke arah mengurangkan kebergantungan Universiti Awam terhadap peruntukan kerajaan selaras dengan hasrat yang telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan ke 5 “Kemampuan Kewangan”. Pembiayaan berdasarkan pencapaian *outcomes* akan menjadi the *new norm* yang bertujuan untuk mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan di samping menggalakkan Universiti Awam untuk memperkukuhkan kewangan sendiri dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa mengurangkan akses atau menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan.